

**Setia Usaha DAP Perak Fail Tuntutan Saman Fitnah RM10 Juta Terhadap Blogger 'Sekupangdua'**  
**Bernama**  
**3 Januari , 2012**

IPOH, 3 Jan (Bernama) -- Setiausaha DAP Perak Nga Kor Ming Selasa menfailkan saman menuntut ganti rugi am berjumlah RM10 juta terhadap seorang blogger 'Sekupangdua', Ahmad Sofian Yahya kerana menulis dan memaparkan satu artikel yang didakwa menfitnahnya.

Writ saman itu difailkan pada 11.30 pagi melalui peguamnya Leong Cheok Keng, Augustine Anthony dan Nga Hock Cheh dari Tetuan Leong & Tan di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di sini dan meminta defendan mengemukakan maklum balas dalam tempoh 14 hari daripada tarikh ia difailkan.

Dalam writ saman itu, plaintif turut menuntut satu injuksi bagi menghalang defendan atau ejen dan pekerja defendan daripada menulis, menerbit serta atau memaparkan pengataan, kenyataan, tulisan berunsur fitnah dalam blog 'Sekupangdua' ataupun dalam apa jua cara yang menyentuh plaintif atau anggota keluarganya.

Mengikut pernyataan tuntutan, plaintif mendakwa pada 16 Dis lepas, defendan telah menulis dan menerbitkan satu artikel yang mengandungi fitnah terhadapnya menerusi artikel bertajuk 'Panas! Bongkar Nga Komeng dan Pakatan Rakyat Menyamun' serta memaparkan atau menyebabkan artikel itu dipaparkan dalam blog berkenaan bertujuan merosakkan, merendahkan dan memusnahkan nama baiknya di kalangan rakyat Malaysia.

Sementara itu dalam sidang media berasingan, Ahmad Sofian berkata beliau tidak akan menarik balik kenyataannya serta tidak akan memohon maaf kepada Nga walaupun berdepan dengan tindakan saman.

Nga turut mendakwa artikel itu telah dibaca, muat turun dan diedarkan dengan liputan yang luas sehingga plaintif diminta menjelaskan kesahihan dan kebenaran artikel berkenaan oleh wartawan media arus perdana, media online, anggota parti DAP-PKR-Pas, pengundi dan rakyat Malaysia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637724>